




“Selamat Datang ke **Edisi Ke-5** Pendidikan Tinggi Hari ini. Minggu ini, kami akan berkongsi serba sedikit mengenai beberapa isu menarik termasuk Pencapaian universiti di QS Asia University Ranking 2016, penerangan berkaitan CEO@Faculty, kisah kejayaan dan lagi! Edisi lama Pendidikan Tinggi Hari Ini @ HE Today boleh diperoleh di www.mohe.gov.my. Segala maklum balas dan komen anda amat dihargai. Anda boleh hubungi kami di hetoday@mohe.gov.my. Terima kasih atas sokongan anda!” - Ketua Pengarang

SEGMENT I - INFORMASI TERKINI

Pencapaian QS Asia University Ranking 2016



- **TAHNIAH** kepada Universiti tempatan kita yang secara umumnya menunjukkan prestasi positif di dalam QS University Ranking Asia 2016.

- Dua universiti berjaya berada di **kelompok 50 universiti terbaik** iaitu **Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia**.

- Universiti Putra Malaysia telah berjaya melonjak 17 anak tangga untuk berada dalam kelompok 50 universiti terbaik di rantau Asia. Satu peningkatan yang cukup mengagumkan.

- Begitu juga dengan Universiti Utara Malaysia, yang melonjak 56 anak tangga dari kedudukan 193 pada tahun lepas untuk menduduki tangga ke 137 tahun ini.

- Universiti penyelidikan lain dalam senarai 100 terbaik ialah USM pada kedudukan ke-51 (49), UKM 55 (56) dan UTM 63 (61).

- Penilaian kali ini membabitkan 350 universiti utama Asia dan dibuat sejak tahun 2009 berdasarkan sembilan indikator.

- Indikator itu membabitkan reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah pelajar kepada fakulti, penerbitan hasil kajian setiap fakulti, nisbah fakulti antarabangsa, nisbah pelajar antarabangsa, pertukaran pelajar masuk, pertukaran pelajar keluar serta indikator terbaharu, bilangan staf yang berkelayakan ijazah doktor falsafah.

- QS Asia University Ranking ialah agensi beroperasi di United Kingdom yang membuat penarafan 350 universiti utama Asia.



- Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif [Chief Executive Officer (CEO) Faculty Programme (CFP)] merupakan program yang dilaksanakan di bawah Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
- Melalui pemerksaan lonjakan ini, pengamal profesional yang terdiri daripada pelbagai tokoh korporat seperti Datuk Azman Ismail, Managing Director, Shell Malaysia Trading Sdn Bhd, Datuk Syed Zainal Abidin, CEO of Weidu Sdn Bhd dan Mr Abraham Liu Kang, CEO of Huawei Malaysia telah menyumbang pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar dan warga universiti.
- Pelaksanaan fasa pertama bagi program ini bermula pada awal September tahun 2015. Sehingga kini, seramai 60 orang CEO yang terdiri daripada pegawai tinggi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan industri swasta telah melibatkan diri dalam program ini.
- Program ini selanjutnya akan diteruskan dengan melibatkan penyertaan CEO muda yang telah berjaya di dalam bidang masing-masing. Ini secara tidak langsung akan memberikan inspirasi kepada para mahasiswa untuk menjadi individu yang lebih berjaya pada masa hadapan.
- Kesemua video sesi syarahan CEO ini boleh didapati di <http://ceo.myain.my/post>



- **Tahniah dan Syabas** diucapkan kepada Warga **Kolej Komuniti Rompin** Pahang diatas kejayaan merangkul 11 pingat Gangsa dan 4 Diploma dalam Thailand Ultimate Chef Challenge Champion 2016 yang telah berlangsung di Impact Challenger 1 Exhibition Centre Bangkok Thailand pada 25 - 29 Mei 2016 yang lalu.
- Pertandingan kali ini telah disertai oleh 7 orang juara kulineri kelahiran Kolej Komuniti Rompin Pahang yang berentap bersama dengan peserta-peserta dari pelbagai negara dalam kategori 'Fruit Carving' dan juga 'Hot Cooking'.

Pencapaian pelajar



CONGRATULATIONS




الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يونسيفيقى الإسلامى العالمى ماليزيا

ASIAN DEBATE CHAMPIONS!



7TH UNITED ASIAN DEBATING CHAMPIONSHIP



Ameera Natasha Moore

Mubarrat Wassey

Sara Abd Rahim

- **Tahniah** buat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berjaya dinobatkan juara debat Asia buat kali kedua berturut-turut.
- Pasukan yang dibentuk oleh tiga pendebat dari universiti itu memenangi anugerah di pertandingan akhir Kejohanan Debat United Asia 7 (UADC) di Bangkok, Thailand.
- Dalam masa yang sama, salah satu pendebat mereka, **Mubarrat Wassey**, dinobatkan **pendebat terbaik di Asia** menjadikan ia kemenangan berganda buat UIAM.
- Pasukan dari UIAM terdiri daripada pelajar jurusan ekonomi, Mubarrat Wassey, 25, Sara Abdul Rahim, 21, dan pelajar undang-undang Ameera Natasha Moore, 23.

- **Tahniah** buat Dr Abhimanyu Veerakumarasivam yang dinobatkan sebagai juara pertandingan pengucapan awam, Famelab International yang berlangsung di Cheltenham, United Kingdom.
- Dr Abhimanyu yang bertugas di Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menundukkan 11 finalis lain dari negara seperti Australia, Greece, United Kingdom dan Amerika Syarikat.
- Dalam persembahan pusingan terakhir, beliau mengetengahkan tajuk berkaitan **kanser dengan memberi tumpuan kepada mutasi DNA, peningkatan risiko kanser yang dipengaruhi faktor usia dan kajian genetik bagi menambah baik kualiti penjagaan serta rawatan pesakit kanser.**

Pencapaian pensyarah

CONGRATULATIONS!

Dr Abhimanyu Veerakumarasivam

Faculty of Medicine & Health Science
Universiti Putra Malaysia



on winning

Famelab International Final 2016

International FameLab
TALKINGSCIENCE

FAMELAB is a flagship science communication competition where scientist, mathematicians and engineers were given just 3 minutes to convey a scientific concept of their choice.



A MALAYSIAN ICON GRADUAN UITM:

WAN NAZRI WAN ARIA

Beliau merupakan Jurutera Struktur sebuah syarikat terkemuka di Jerman yang terlibat dalam membina menara jam Abraj al-Bait di Mekah.

BIODATA:

Berasal dari sebuah keluarga yang susah yang menetap di Kuala Lumpur. Mendapat pendidikan di sekolah biasa. Bekelulusan ijazah sarjana muda kejuruteraan dari UITM.

Sejak kecil sehingga melanjutkan pengajian ke UITM, beliau sering mengikut ayah bekerja dan sudah biasa membancuh simen serta menyusun bata.

Pada usia 25 tahun, berhijrah ke Jerman untuk menyambung pelajaran peringkat sarjana di Universiti Stuttgart dengan menggunakan wang sendiri.



Pencapaian alumni

- Wan Nazri Wan Aria, 36, merupakan seorang jurutera yang terlibat dalam membina menara jam Abraj al-Bait di Mekah, satu daripada monumen ikonik di Arab Saudi dan antara bangunan tertinggi di dunia, pada 2012.
- Wan Nazri berkata, dia mendapat peluang untuk terbabit dalam pembinaan Abraj al-Bait ketika menjadi jurutera di sebuah syarikat kejuruteraan di Jerman pada usia 28 tahun.

Forum Perdana KPT



- Satu sesi ramah mesra bersama pemegang taruh Kementerian dan kakitangan Kementerian telah diadakan pada 13 Jun 2016 bertempat di lobi KPT.
- Lebih daripada 1000 jemputan yang hadir ke majlis tersebut yang terdiri daripada kakitangan KPT, pengu-rusan tertinggi universiti dan pihak media.
- Pada majlis yang sama, YB Menteri turut menyampaikn sumbangan terkumpul sebanyak RM 22,000 kepada 123 penerima yang terdiri daripada kakitangan Kementerian.



PENGUMUMAN



MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS 2016



FOLLOW, LIKE & SHARE KEJAYAAN TERKINI KPT MELALUI MEDIA SOSIAL! BANTU KAMI MENYEBARKAN BERITA POSITIF INI ;)

Menteri & Timbalan Menteri

 @IdrisJusoh  DatoSerIIdrisJusoh  DS_IIdrisJusoh

 @Maryyapkc  MaryYKC  MaryYKC



Facebook.com/soaringupwards
Facebook.com/moheofficial



@soaringupwards
@moheofficial



Soaringupwards
Kementerianpendidikan tinggi



SoaringUpwards

maklumbalas/ soalan? Hubungi kami di hetoday@mohe.gov.my